

23/05/1999

Awana Kijal semakin dikenali

Shaidah Shafie

TERENGGANU Darul Iman terkenal dengan pantai indah, bersih dan paling utama latar alam yang menyegarkan mata memandang. Deretan pulau seperti Pulau Kapas, Pulau Perhentian dan Pulau Redang saban tahun dikunjungi pelancong asing dari dalam dan luar negara.

Di tanah besar pula, pusat pelancongan yang boleh didapati antaranya ialah Pantai Bukit Keluang dan Maran dan Seberang Takir yang menjadi pangkalan nelayan. Chalet, resort dan tempat penginapan kelas ekonomi dan berpatutan boleh ditemui dengan mudah.

Struktur muka bumi yang menempatkan Terengganu di pesisir pantai ternyata menguntungkan `bumi minyak' ini. Kalau anda mengambil keputusan untuk memandu di sepanjang lebuh raya menghala ke Pantai Timur ini, pastinya mata tidak jemu menyaksikan pantai membiru dan ombak memutih.

Tanjung Jara, Cherating dan Kemaman adalah antara pantai paling ramai dikunjungi pelancong. Bagaimanapun dengan sejumlah pulau dan pusat peranginan semakin dikenali ramai, Pantai Timur masih lagi dianggap sebagai ketinggalan dari segi pembangunan.

Tetapi hakikatnya Pantai Timur tidak seperti disangkakan kerana industri perhotelannya kini pada tahap membanggakan. Wujudnya hotel dan resort berstatus lima bintang sekali gus menolak tanggapan itu. Antara hotel dimaksudkan itu ialah Awana Kijal Beach & Golf Resort di Kijal, Terengganu.

Resort terletak berhampiran dengan bandar minyak, Kerteh dan pusat peranginan terkenal, Cherating, kini mengorak langkah sebagai lokasi persinggahan dan pusat peranginan tersendiri.

Awana Kijal Golf & Beach Resort mula dibuka dan beroperasi pada 28 Julai 1996. Sejak dibuka, resort ini kini semakin dikenali ramai dan sukar ditandingi oleh pesaingnya.

Dengan kemudahan seminar, pusat perniagaan dan pusat jagaan kanak-kanak serta sistem bunyi dan peralatan lain berteknologi tinggi, Awana Kijal sendiri boleh berbangga kerana memiliki pantai yang indah sejauh 3.5 kilometer. Dengan keadaan berkenaan, pihak pengurusannya juga memutuskan untuk menjadikan resort berkenaan sebagai pusat konvensyen terunggul di Malaysia.

Pengurus perhubungan awamnya, Kapten (B) Anita Zakirah Abdullah, berkata pihaknya mahu memanipulasi kedudukan resort berkenaan yang berdekatan dengan `bandar gas dan minyak', Kerteh dan bandar pelabuhan, Kemaman.

"Buat masa ini, kami hampir berjaya merealisasikan impian untuk menjadikan Awana Kijal Beach & Golf Resort sebagai pusat konvensyen paling unggul di Malaysia.

"Berdasarkan statistik, ramai tenaga pakar dalam dan luar negara yang bertaraf multinasional bekerja di Kerteh serta Kemaman. Sudah pasti mereka mahu berkonvensyen bagi melancarkan operasi syarikat.

"Bagaimanapun, ini tidak bermakna kami akan mengabaikan aspek kelebihan pantai. Sebenarnya, kami memiliki pantai terpanjang di Malaysia iaitu sejauh 3.5km," katanya.

Pusat konvensyen di situ dilengkapi dengan kemudahan audio visual paling canggih di Malaysia. Di samping itu, sistem bunyi, suara serta lampu termoden di resort terbabit juga diperaku antara yang termoden di negara ini.

Menurutnya, Awana Kijal Beach & Golf Resort mempunyai 12 pusat konvensyen seluas 1,649.86 meter persegi iaitu Awana Grand, Ballroom,